

SEPINTAS e-BUKU HASiL KINI BOLEH DIMUAT TURUN DARI PORTAL DAN APLIKASI MyTax

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah menerbitkan Sepintas e-Buku HASiL dan kini ia boleh dimuat turun dari Portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my/> atau menerusi aplikasi MyTax yang boleh didapati di Google Playstore serta IOS Apps Store.

Buku digital setebal 104 muka surat ini mengandungi pelbagai maklumat berkaitan cukai langsung untuk rujukan dan panduan kepada orang ramai khususnya para pembayar cukai. Antara maklumat yang menarik dalam buku digital ini ialah e-Filing, Senarai Pelepasan Cukai Individu bagi Tahun Taksiran 2021, Bayaran Cukai Pendapatan, Tanggungjawab Majikan dan Pekerja, Cukai Korporat, Duti Setem, Cukai Pegangan, Cukai Keuntungan Harta Tanah, Ekonomi Digital dan lain-lain.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh diajukan kepada HASiL melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan

- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas
<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 10 Mac 2022

